

TARIKH	3 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	h7	RUANGAN	Berita

# Program khidmat sosial TAHA

» 300 penduduk Pulau Betong, USM, BH bersama bersihkan kubur

Oleh Rudy Syareme Sheriffudin  
bhnews@bharian.com.my  
Balik Pulau

Lebih 300 penduduk bersama Tabung Haji, BH dan Universiti Sains Malaysia (USM) menyertai Program Khidmat Masyarakat TAHA @ U bersama penduduk Pulau Betong, di sini, semalam.

Program sehari bermula dari jam 9 pagi itu dihadiri Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Muhammad Farid Saad, yang turut sama berganding bahu bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan Islam dan mengecat sekolah agama.

Turut diadakan, program singgah dan lawat ke lima rumah warga tua dengan menyerahkan hamper kepada mereka selain beramah mesra.

Pengarah Tabung Haji Negeri,

Rozimin Ahamed Kamil, berkata program turun padang itu sebahagian program khidmat sosial korporat kepada masyarakat khususnya pelajar universiti dalam merapatkan hubungan dengan penduduk setempat.

Beliau berkata, Tabung Haji dan BH berasa bertuah dapat bekerjasama dengan penduduk kampung di samping memberi peluang

kepada pelajar dan masyarakat mengetahui lebih mendalam mengenai Tabung Haji dan BH dalam menyebarkan maklumat.

"Tabung Haji berharap dapat menyertai lebih banyak aktiviti kemasyarakatan pada masa akan datang kerana ia mampu merapatkan hubungan sedia terjalin," katanya.



Rozimin (kanan) bersama Mohd Farid (kiri) dan penduduk Pulau Betong membersihkan tanah perkuburan Islam pada Program Khidmat Masyarakat TAHA @ U, semalam. (FOTO MICHAEL ONG/BH)

